

**UNTUK EDARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**TARIKH SEMAKAN TAWARAN DAN PENDAFTARAN  
SEKOLAH KHUSUS TAHUN 2022**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa tarikh semakan tawaran kemasukan Tingkatan Satu, Tingkatan Empat dan Tahun 1 Sijil Vokasional Malaysia (SVM) ke Sekolah Khusus Tahun 2022 adalah pada **15 Mac 2022**.

Sehubungan itu, semakan tawaran boleh dilakukan melalui pautan <https://spskt1.moe.gov.my> bagi kemasukan ke Tingkatan Satu dan <https://spskt4.moe.gov.my> bagi kemasukan ke Tingkatan Empat serta Tahun 1 SVM. Tawaran kemasukan Sekolah Khusus ini melibatkan Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Teknik (SMT), Kolej Vokasional (KV) dan Maktab Tentera Diraja (MTD) bawah Kementerian Pertahanan Malaysia.

KPM menetapkan bahawa tarikh pendaftaran murid baharu ke Sekolah Khusus adalah seperti berikut:

- (a) **Pendaftaran secara dalam talian** bagi murid baharu **Tingkatan Satu dan Tingkatan Empat** di SBP dan SMKA adalah pada **21 Mac 2022 hingga 25 Mac 2022**;
- (b) **Pendaftaran secara fizikal** bagi murid baharu **Tingkatan Empat** di SBP dan SMKA adalah pada **5 April 2022**;
- (c) **Pendaftaran secara fizikal** bagi murid baharu **Tingkatan Satu** di SBP dan SMKA **akan dimaklumkan oleh KPM**;
- (d) **Pendaftaran secara fizikal** bagi murid baharu **Tingkatan Empat dan Tahun 1 SVM** di SMT dan KV adalah pada **7 April 2022**; dan
- (e) Pendaftaran bagi murid baharu **Tingkatan Empat ke MTD** akan dimaklumkan melalui laman sesawang <http://www.rmc-education.edu.my/>

Ringkasan maklumat berkaitan pendaftaran murid adalah seperti di Lampiran A.

KPM sentiasa komited untuk terus melaksanakan yang terbaik.

-TAMAT-

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**10 MAC 2022**

## Lampiran A

BIL	PERKARA	SEKOLAH KHUSUS					TARIKH
		SBP	SMKA	SMT	KV	MTD	
1.	Pendaftaran secara dalam talian bagi murid baharu	T1 dan T4	T1 dan T4	-	-	-	21 Mac 2022 hingga 25 Mac 2022
2.	Pendaftaran secara fizikal bagi murid baharu	T1	T1	-	-	-	Akan dimaklumkan oleh KPM
		T4	T4	-	-	-	5 April 2022
		-	-	T4	SVM Tahun 1	-	7 April 2022
3.	Pendaftaran secara fizikal bagi murid sedia ada dan baharu	-	-	-	-	T4 & T5	Akan dimaklumkan oleh MTD